

Universiti Islam bukan slogan politik

KUALA LUMPUR, Sabtu — Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, tahun depan, bukan saja menaikkan imej negara ini di mata dunia, tapi juga bermanfaat kepada umat Islam Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, berkata universiti itu juga berfaedah kepada golongan minoriti Islam

di negara-negara bukan-Islam yang kurang atau tidak langsung mendapat peluang mempelajari agama suci itu.

Bellau berkata demikian di Perhimpunan Agung Majlis Dakwah Islamiah Serantau Asia Tenggara dan Pasifik.

Penubuhan universiti itu sama sekali akan menyangkal dakwaan pihak-pihak tertentu yang menganggap ia

sebagai slogan politik Barisan Nasional dalam pilihanraya umum, April lalu.

R a n c a n g a n menubuhkan universiti itu, sebenarnya, timbul sejak lama dulu. Tapi, hanya dua bulan lalu saja baru Perdana Menteri secara rasmi mengumumkannya.

Kini, penyediaan tapak projek itu sedang giat dimulakan di Bukit Fraser.

Pemilihan tempat itu berdasarkan iklim dan suasana alam semula jadi, serta berdekatan dengan Ibu Negara.

Universiti itu akan menggunakan dua bahasa pengantar, Bahasa Arab dan Inggeris. Bahasa Malaysia mungkin digunakan di peringkat pentadbiran.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia